

Guru rugi RM1.1j ditipu 'polis'

Mangsa diperdaya buka 2 akaun untuk siasatan kes nahas, perubahan wang haram

Oleh Faris Fuad dan Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com

Kuala Lumpur: Seorang guru kerugian RM1.1 juta dipercayai ditipu sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis, baru-baru ini.

Polis menerima laporan berhubung kes terbabit daripada wanita berusia 49 tahun itu, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan, berkata mangsa memberitahu dihubungi seorang pegawai polis yang memaklumkan

kononnya kereta miliknya terbahit kemalangan maut dan dia terbabit kegiatan perubahan wang haram.

Katanya, mangsa diarah membuka dua akaun bank dan memasukkan nombor telefon yang diberi suspek sebagai nombor telefon pemilik akaun.

"Selepas akaun simpanan dibuka, mangsa memindahkan wang simpanan miliknya ke dalam akaun itu seperti diarah suspek kononnya bagi tujuan siasatan.

"Mangsa juga diarah menyedaikan wang jaminan menyebabkan dia membuat pinjaman peribadi di beberapa bank. Wang itu kemudian dimasukkan ke dalam akaun bank terbabit.

"Bagaimanapun, mangsa akhirnya sedar menjadi mangsa penipuan dan membuat laporan polis," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, Mohd Zaid menasihatkan orang awam tidak terpedaya dengan taktik Macau Scam yang menggunakan individu menyamar sebagai anggota penguat kuasa seperti pegawai polis dan

kastam, selain pihak bank.

"Nombor telefon yang digunakan pula memang daripada agensi berkaitan dan ia dipanggil teknik spoofing (penyamaran nombor talian apabila pemanggil menggunakan perkakasan internet ketika membuat panggilan melalui Internet - VOIP).

"Orang ramai juga boleh hadir ke balai polis berdekatan untuk

Orang awam diminta tidak terpedaya dengan taktik Macau Scam yang menggunakan individu menyamar anggota penguat kuasa seperti pegawai polis dan kastam, selain pihak bank.

Mohd Zaid Hassan,
Ketua Polis Daerah Kajang

pertanyaan atau keraguan mengenai isu berbangkit," katanya.

Sementara itu, di **Kuantan**, akibat bimbang ditahan polis kerana dikatakan terbabit perubahan wang haram, seorang peniaga di Rompin kerugian RM93,809.50 diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar kakitangan pos dan pegawai polis bulan lalu.

Kejadian bermula pada 21 September lalu apabila wanita berusia 40 tahun itu menerima panggilan daripada seorang wanita memperkenalkan diri sebagai pekerja pejabat pos dan mendakwa terdapat barang dengan namanya di pejabat pos.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa menafikan barang berkenaan miliknya sebelum panggilan itu disambungkan kononnya ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Seremban.

"Mangsa kemudian bercakap dengan seorang lagi suspek memperkenalkan diri sebagai Koperal Zakaria. Suspek kedua ini membuat semakan dan kononnya men-

dapati mangsa mempunyai rekod jenayah dalam kes perubahan wang haram serta terdapat waran tangkap ada nama wanita itu.

"Selepas itu, panggilan disambungkan pula kepada tiga lagi suspek iaitu Sarjan Joshua, Inspektor Mazlan dan Inspektor Baharun. Mangsa kemudian diarah mengeluarkan semua wang dalam akaunnya dan dimasukkan ke dalam satu akaun saja," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, suspek mendakwa semua akaun mangsa akan dibeku dan mengarahkannya membuat kad ATM, menukarkan nombor pin serta nombor telefon yang diberikan suspek.

"Suspek juga meminta mangsa merahsiakan perkara ini dan menunggu keputusan pihak audit untuk mengesan wang berkenaan sama ada terbabit dengan perubahan wang haram.

"Pada 3 Oktober lalu, mangsa membuat semakan akaunnya dan mendapati baki hanya tinggal RM80.63. Kerugian dialami mangsa adalah RM93,809.50," katanya.